

KENYATAAN MEDIA

KESEDARAN AWAM DIPERKASA BAGI TANGANI GANGGUAN SEKSUAL

PORT DICKSON, 18 JUN 2026 : Hari ini saya merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan: Say No To Sexual Harassment yang bermatlamat memperkukuhkan agenda kesejahteraan masyarakat dengan matlamat yang jelas, iaitu untuk mewujudkan persekitaran yang selamat, kondusif dan inklusif untuk semua.

Program yang dianjurkan hari ini dirancang atas kesedaran bahawa isu gangguan seksual bukan sahaja menjejaskan maruah dan keselamatan individu, malah memberi kesan kepada kesejahteraan sosial serta produktiviti negara.

Untuk makluman semua, kerajaan telah memperkukuh usaha menangani isu gangguan seksual menerusi Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Penguatkuasaan menyeluruh adalah merangkumi penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang merupakan satu platform alternatif bagi menyelesaikan aduan lebih cepat, mudah dengan kos yang berpatutan untuk mangsa menuntut hak mereka.

Berdasarkan laporan TAGS, sehingga 15 Jun 2026, sebanyak 100 aduan telah difailkan, dengan 82 daripadanya berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari daripada hari pertama pendengaran dan baki 18 masih dalam proses pengurusan. Pencapaian ini membuktikan bahawa tribunal ini berkesan dalam mempercepat proses menyampaikan keadilan kepada mangsa.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan trend peningkatan kes gangguan seksual yang semakin membimbangkan. Jumlah kes yang direkodkan meningkat daripada 477 kes pada tahun 2022 kepada 522 kes pada tahun 2023, seterusnya melonjak kepada 788 kes pada tahun 2024 dan mencecah 1,038 kes pada tahun 2025. Sehingga Mei 2026, sebanyak 388 kes telah dilaporkan di seluruh negara, dengan 11 kes direkodkan di Negeri Sembilan.

Program pada hari ini juga selari dengan inisiatif *National Action Plan: Women Peace and Security 2025-2030* (NAP WPS) yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemangkin keamanan dan pembangunan mampan.

Akhir kata, saya meletakkan harapan yang tinggi agar semua pihak dapat membantu KPWK M memperkukuhkan dan menyebarkan advokasi berkaitan gangguan seksual. Isu yang tidak dibendung dari peringkat awal berpotensi berkembang menjadi lebih serius dan boleh mencetuskan pelbagai bentuk keganasan termasuk keganasan terhadap wanita, yang memberi kesan besar kepada kesejahteraan individu dan keharmonian masyarakat. Marilah bersama memikul tanggungjawab untuk mewujudkan budaya sifar toleransi terhadap gangguan seksual dan membina persekitaran yang lebih selamat, beretika dan menghormati maruah setiap individu.

Terima Kasih.

YB LIM HUI YING
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA
KELUARGA DAN MASYARAKAT
18 JUN 2026